

TIDAK BOLEH DIFOTOSTAT

Perpustakaan
Universiti Teknologi MARA
Kampus Machang

**FAKTOR-FAKTOR KEMEROSOTAN PENGGUNAAN KAIN
LIMAR DI KALANGAN MASYARAKAT MELAYU**

HASLINA BT. HASHIM

97345332

**IJAZAH SARJANA MUDA SENI REKA TEKSTIL
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN KELANTAN**

TIDAK BOLEH DIFOTOSTAT

Perpustakaan
Universiti Teknologi MARA i
Kampus Michang.

**FAKTOR-FAKTOR KEMEROSOTAN PENGGUNAAN KAIN LIMAR DI
KALANGAN MASYARAKAT MELAYU**

**HASLINA BINTI HASHIM
(97345332)**

Tesis ini dikemukakan kepada Fakulti Seni Lukis dan Seni reka, Universiti Teknologi MARA sebagai memenuhi sebahagian daripada keperluan Ijazah Sarjana Muda Seni Reka Tekstil.

- 1. Diperiksa oleh..... *M. Halimandy* Tarikh..... *22/09/2007*
- 2. Diperiksa oleh..... Tarikh.....
- 3. Diperiksa oleh..... Tarikh.....

Dekan,
Fakulti Seni Lukis dan seni Reka
Universiti Teknologi MARA
40450 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan.

PENGHARGAAN

Alhamdulillah...

Syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia dan keizinan-Nya, dapatlah saya menyiapkan tesis ini dengan seadanya.

Di kesempatan ini, ingin saya mengucapkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua yang terlibat iaitu kepada pensyarah-pensyarah terutamanya Tuan Haji Dahuri B. Idris selaku koordinator Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka UiTM kampus Machang dan juga En Mohd. Sabri B. Mohamad selaku penasihat tesis yang telah banyak memberi teguran, bimbingan serta nasihat yang berguna dan tidak pernah jemu membantu dalam setiap proses penyusunan tentang keperluan serta kehendak tesis ini samada secara langsung atau tidak langsung sehinggalah ia siap disempurnakan. Tanpa perhatian dan tunjuk ajar daripada beliau, tidak mungkin saya dapat menghasilkan tesis ini dengan baik dan tepat.

Di sini juga saya ingin merakamkan setinggi penghargaan kepada semua sampel yang terlibat iaitu Perbadanan kemajuan Kraftangan Malaysia (PKKM) cawangan Terengganu dan Kelantan, Perbadanan Perpustakaan Negeri Terengganu dan Kelantan serta pihak Muzium Negeri Terengganu dan Kelantan yang telah banyak membantu dalam menyumbangkan maklumat-maklumat yang berguna yang dijadikan sebagai rujukan dalam menyiapkan tugas ini, dan tidak lupa juga ucapan terima kasih saya kepada pengusaha-pengusaha tenunan di sekitar negeri Terengganu dan Kelantan serta orang awam yang turut membantu dalam sesi soal selidik yang dikemukakan. Segala jasa dan budi baik mereka semua amat saya hargai.

Tidak lupa juga kepada teman-teman serumah, Haslina Elias, Norafzan Shafii, Zuraine Yusof serta Zariati Ab Lah kerana banyak membantu dari segi tenaga, masa dan sokongan yang padu untuk terus bangkit bagi menyiapkan tugas ini dan juga kepada keluarga tercinta

SINOPSIS

Kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti apakah faktor sebenar kemerosotan penggunaan kain limar di kalangan masyarakat Melayu di samping ingin mengetahui bagaimanakah langkah-langkah yang berkesan untuk mengembalikan kegemilangan hasil tenunan tradisi Melayu yang sangat indah dan unik yang menjadi kebanggaan sesetengah golongan bukan sahaja di kalangan golongan bangsawan tetapi juga rakyat biasa suatu ketika dahulu.

Kajian ini tertumpu di sekitar negeri Terengganu dan Kelantan yang terkenal dengan hasil tekstil tempatan khususnya kain-kain tenunan seperti kain limar.

Penulisan tesis ini merangkumi aspek penggunaan kain limar di kalangan masyarakat Melayu di mana jika dilihat dan diteliti, suatu ketika dahulu kain tenunan ini merupakan sebahagian daripada pakaian bagi menghadiri majlis kenduri dan juga sebagai pakaian harian masyarakat Melayu samada golongan bangsawan mahupun rakyat biasa. Tetapi kini perbezaannya jelas amat ketara di mana kain-kain tenunan ini hanya digunakan sebagai perhiasan dalaman semata-mata bagi menggambarkan keangguhan dan kekayaan si pemiliknya. Selain itu, kain tenunan ini juga dipercayai mempunyai kekuatan tertentu sehingga ia dijadikan sebagai pelaris jualan.

Dapatan kajian menunjukkan terdapat beberapa faktor penyebab mengapa berlakunya kemerosotan perusahaan ini iaitu pihak-pihak pengusaha sudah tidak berminat lagi untuk menghasilkan kembali kain tenunan ini kerana faktor-faktor seperti tidak ada pasaran, masa yang diambil terlalu lama untuk menyiapkan sehelai kain yang bermutu serta tenaga pakerja yang betul-betul mahir dan berminat untuk menenun kain tenunan tempatan tradisi ini. Kajian juga mendapati bahawa sudah tidak ada lagi generasi kini yang berminat untuk mewarisi

kepakaran yang dimiliki oleh generasi dahulu dan sekaligus hasil seni masyarakat tempatan dahulu kala dilupakan begitu sahaja.

Di samping itu juga, penulisan ini penting untuk memberi pengetahuan mengenai seni tenunan tradisi Melayu yang kurang mendapat sambutan terutamanya di kalangan muda mudi generasi kini. Sekarang jika dilihat, tiada langsung pihak-pihak yang tampil bagi mengusahakan kembali industri tenunan kain ini bagi mengembalikan kegemilangan kain tenunan tradisi Melayu. Salah satu hasil pribumi Melayu yang perlu dimanfaatkan dalam konteks Islam ialah tekstil, terutamanya industri kain tenunan. Penghasilan ini perlu direnungi dengan kritis kerana ia merupakan buah tangan yang dihasilkan sendiri oleh masyarakat Melayu iaitu daripada pemikiran dan citarasa Melayu dan itulah salah satu cabang pengidentitian Melayu.